



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (*BUSINESS SENTIMENT INDEX*) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN FEBRUARI 2022

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) bagi Negara Brunei Darussalam bagi bulan Februari 2022. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 550 perniagaan-perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada 11 sektor ekonomi dari kesemua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan-perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; jumlah pengambilan pekerja; dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI ini menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk utama makroekonomi.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

| Nilai BSI | Ulasan |
|-----------|--|
| Atas 50 | Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya |
| 50 | Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya |
| Bawah 50 | Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya |

4. BSI mempunyai 9 sub-indeks. **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, yang merupakan indeks utama BSI, adalah 50.1 bagi bulan Februari 2022. Ini merupakan kenaikan bagi bulan kelima berturut-turut sejak Oktober 2021, namun lebih kecil dibandingkan dengan bulan Januari 2022. Di antara sebab-sebab yang diberikan termasuk kenaikan aktiviti sejak Fasa Awal Endemik; peningkatan pesanan dan kontrak baru daripada kerajaan; serta pengeluaran dan eksport yang meningkat. Walau bagaimanapun, beberapa perniagaan telah melaporkan kemerosotan memandangkan terdapatnya beberapa hari kelepasan awam semasa bulan Februari. Kebanyakan perniagaan melaporkan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan bulan Januari 2022, dan mengongsikan kerisauan mengenai peningkatan jumlah kes COVID-19 baru di Negara Brunei Darussalam yang terus menjejaskan operasi perniagaan. Antara isu yang dihadapi adalah kekurangan pekerja dengan pengeluaran arahan Perintah Kuarantin, dan juga penambahan kos bahan-bahan dan kekurangan stok inventori. Indeks bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan adalah 50.3. Ini mencerminkan sentimen yang optimistik dengan menjelangnya musim perayaan dan peningkatan dalam pengeluaran. Sentimen ini adalah tertakluk kepada tiada sekatan pergerakan (*lockdown*) baru dan situasi COVID-19 yang terkawal.
5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 49.9 bagi bulan Februari 2022, 50.5 untuk satu bulan ke hadapan dan 50.7 bagi tiga bulan ke hadapan. Indeks ini menunjukkan bahawa perniagaan-perniagaan secara amnya telah mengurangkan aktiviti pelaburan bagi bulan Februari 2022 berbanding dengan bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, aktiviti pelaburan dijangka akan meningkat semula pada bulan-bulan berikutnya. Peningkatan pelaburan yang dimaksudkan termasuk penambahbaikan kilang pembuatan; pelaburan

dalam fasiliti pejabat dan sistem yang lebih baik; pengubahsuaian premis perniagaan yang baru atau sedia ada; penambahan inventori; dan pembelian peralatan, perlengkapan, mesin dan kenderaan syarikat.

6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.1 bagi bulan Februari 2022 dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa, secara keseluruhan, perniagaan-perniagaan menambah pekerja pada bulan Februari 2022 dan juga merancang untuk mengambil pekerja baharu pada bulan Mac 2022. Perniagaan-perniagaan masih menghadapi berbagai cabaran berkaitan tenaga kerja termasuk kekurangan pekerja-pekerja tempatan yang mempunyai kemahiran yang bersesuaian; ketidakhadiran ke sesi temuduga; pekerja-pekerja tempatan yang meletak jawatan untuk bekerja dengan sektor kerajaan; dan isu kuota bagi pengambilan pekerja-pekerja asing. Dengan kadar pemberhentian pekerja tempatan yang tinggi, sebahagian perniagaan lebih cenderung terhadap pengambilan pekerja asing mengambilkira kepentingan kestabilan tenaga kerja demi operasi perniagaan yang lancar.
7. **Sub-indeks Kos** adalah 50.3 bagi bulan Februari 2022, dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan perniagaan-perniagaan mengalami kos perniagaan yang lebih tinggi berbanding dengan bulan Januari 2022, dan menjangkakan peningkatan kos akan berlarutan pada bulan Mac 2022. Secara amnya, perniagaan-perniagaan tersebut mengalami kenaikan harga bahan-bahan mentah seperti baja dan minyak; kos import yang lebih tinggi disebabkan oleh kos penghantaran dan pengangkutan; serta kos operasi yang meningkat disebabkan perbelanjaan tambahan bagi pekerja-pekerja seperti tambang tiket penerbangan setelah tamat kontrak, pembekalan kit ujian pantas antigen (ART) dan pensanitasi tangan (*hand sanitiser*).

| BSI bagi Februari 2022 | |
|---|-------------|
| Keadaan Perniagaan | 50.1 |
| Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan | 50.3 |
| Pelaburan | 49.9 |
| Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan | 50.5 |
| Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan | 50.7 |
| Pengambilan Pekerja | 50.1 |
| Pengambilan Pekerja Satu Bulan Ke Hadapan | 50.2 |
| Kos Perniagaan Bulan Ini | 50.3 |
| Kos Satu Bulan ke hadapan | 50.3 |

8. Dari segi sektor ekonomi, 8 daripada 11 sektor mencatatkan sentimen yang pesimistik dengan indeks di bawah paras 50. Penguncupan keadaan perniagaan yang terbesar direkodkan dalam sektor Harta Tanah & Pemilikan Kediaman, diikuti dengan Pembinaan, dan Hotel & Restoran. Antara sebab-sebab kemerosotan termasuk bulan Februari yang lebih singkat, pemendekan waktu operasi dan juga penutupan sementara perniagaan-perniagaan disebabkan oleh kes-kes COVID-19 di kalangan pekerja. Sentimen optimistik dicatatkan hanya dalam dua sektor ekonomi bagi bulan Februari 2022 iaitu Minyak & Gas dan yang Berkaitan, dan Pengangkutan & Komunikasi. Sektor Kewangan & Insurans pula melaporkan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan bulan Januari 2022.

| Keadaan Perniagaan Februari 2022 Mengikut Sektor | |
|---|------|
| Minyak & Gas dan yang Berkaitan | 50.2 |
| Pembuatan | 49.9 |
| Pembinaan | 49.7 |
| Perdagangan Borong & Runcit | 49.9 |
| Pengangkutan & Komunikasi | 50.1 |
| Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan | 49.8 |

| | |
|----------------------------------|------|
| Kewangan & Insurans | 50.0 |
| Harta Tanah & Pemilikan Kediaman | 49.6 |
| Hotel & Restoran | 49.7 |
| Kesihatan & Pendidikan | 49.8 |
| Perkhidmatan Lain | 49.8 |

9. Dari segi indeks keadaan perniagaan mengikut saiz perniagaan, secara amnya, hanya perniagaan bersaiz mikro sahaja yang telah menunjukkan sentimen yang optimistik pada bulan Februari 2022. Kebanyakan perusahaan kecil mengalami keadaan perniagaan yang sama pada bulan Februari 2022 berbanding dengan bulan sebelumnya. Perniagaan bersaiz sederhana dan besar pula, secara amnya, melaporkan penguncupan dalam keadaan perniagaan oleh kerana penjualan dan operasi perniagaan yang terjejas akibat gelombang ketiga wabak COVID-19.

| Kedaaan Perniagaan Februari 2022 mengikut ukuran | |
|---|------|
| Mikro | 50.1 |
| Kecil | 50.0 |
| Sederhana | 49.7 |
| Besar | 49.8 |

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di LAMPIRAN 1. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di <https://www.bdcg.gov.bn>. Perkembangan mengenai BSI juga akan dikongsikan melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 7 Syaaban 1443H / 10 Mac 2022M

Ruj: BDCB/COMMS/3

LAMPIRAN 1


Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.


Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Februari 2022



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.